

NO SOALAN :87**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 26.07.2017**

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan timbang tara antara 1MDB/MoF dan IPIC di London Court of Arbitration.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London.

Syarat-syarat penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya.

Di samping itu, pihak 1MDB dan IPIC telah bersetuju untuk melaksanakan rundingan secara jujur (*good faith negotiations*, dengan izin) berkenaan dengan wang yang telah dibayar oleh 1MDB kepada entiti-entiti tertentu.

SOALAN (88)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 JULAI 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH
[MUKAH]**

SOALAN :

YB DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang telah berdaftar dengan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) serta sejauh manakah program ini telah membantu meningkatkan tahap kebolehpasaran dan keupayaan para peserta yang telah berjaya mengikuti program SL1M

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Jun 2017 baru-baru ini, genaplah 6 tahun pelaksanaan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) selepas penubuhannya pada Jun 2011.

Sepanjang pelaksanaannya, program ini sentiasa mendapat sokongan penuh daripada pihak industri terutamanya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan swasta yang aktif mengambil bahagian. Sejak penubuhannya, lebih 300 syarikat GLCs, syarikat-syarikat besar, sederhana dan kecil mengambil bahagian dan melaksanakan program SL1M. Program SL1M merupakan program graduan yang akan terus kekal relevan dan signifikan dalam membantu mereka mendapat pekerjaan selepas mendapat mandat Kerajaan yang mewajibkan setiap syarikat kategori G7 untuk mengambil peserta SL1M sebagai pra-syarat untuk membida kontrak-kontrak dari Kerajaan. Sekiranya syarikat tidak melaksanakan program SL1M, mereka dianggap tidak memenuhi syarat untuk mendapatkan kontrak Kerajaan.

Konklusinya, semua syarikat senarai awam hendaklah diwajibkan mengambil bahagian dalam program SL1M bagi memastikan syarikat-syarikat ini menyumbang semula kepada masyarakat dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Perkara ini telah dimaktubkan sebagai sebahagian daripada terma-terma kontrak perolehan Kerajaan.

Dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan syarikat, Kerajaan telah menawarkan insentif-insentif kepada syarikat ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan dan sebagai menghargai segala sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh syarikat untuk menjayakan program SL1M seperti insentif potongan cukai berganda dan Skim HRDF-SL1M di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Hebahan dan promosi SL1M melalui media cetak dan elektronik terus dipergiatkan bagi menambah jumlah syarikat menyertai program SL1M.

Langkah-langkah ini diharap dapat menarik lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat dalam usaha memastikan semua rakyat Malaysia terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman atau datang

dari keluarga berpendapatan rendah dapat dibantu bagi memperbaiki taraf sosio ekonomi mereka dan keluarga.

Program SL1M dilaksanakan dengan matlamat untuk membantu graduan yang sukar memdapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian melalui program Latihan penempatan pekerjaan di industri. Graduan yang terpilih akan ditaja sepenuhnya untuk menjalani latihan SL1M di syarikat terlibat serta didedahkan dengan pengalaman kerja sebenar di mana proses pembelajaran yang diperoleh sepanjang Latihan akan membantu meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran seterusnya memberi nilai tambah dalam diri graduan.

Setakat 30 Jun 2017, seramai 126,442 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

26Julai 2017